

Tawau rekod alumni UMS tertinggi berbanding daerah lain: Mary Yap

OLEH NAZRINI BADARUN

TAWAU: Daerah ini merekod lebih 3,000 alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) antara yang tertinggi berbanding daerah lain di seluruh negara, kata Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching.

Menurutnya, daerah ini berpotensi tinggi dalam melahirkan lebih ramai graduan ekoran kecemerlangan dalam bidang pendidikan yang sangat ditekankan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan juga pihak sekolah yang sentiasa komited.

“Setiap tahun kita merekod peningkatan jumlah kemasukan pelajar dari daerah ini ke universiti-universiti dalam mahupun luar negara “katanya ketika Pecutan Motivasi KPT4U di Kolej Tingkatan Enam di sini kelmarin.

Menurutnya, kementerian sentiasa membantu pelajar yang berjaya mendapat tempat di universiti untuk meneruskan pengajian sekaligus menjadi graduan yang berdaya saing dan

berdaya maju untuk negara pada masa hadapan.


Universiti dalam negara katanya, pada masa kini berada di landasan tepat apabila mencatat pelbagai kisah kejayaan yang telah dilakukan dan diiktiraf di peringkat antara-bangsa.

“Kita menggunakan konsep U.M.A.R iaitu peningkatan rangking pendidikan negara dan pencapaian universiti tempatan khususnya universiti penyelidikan.

“Konsep U.M.A.R ini telah membuka mata dunia dan mengiktiraf negara sebagai hub pendidikan di rantau ini dan ianya juga melonjakkan universiti ke tahap yang lebih baik,”katanya.

Mary Yap berkata pelajar di daerah ini perlu memanfaatkan segala peluang untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang pendidikan sekaligus melayakkan diri mendapat tempat di universiti.

“Kolej Tingkatan Enam ini antara usaha yang diwujudkan kerajaan untuk membantu



MARY Yap (kanan) menerima cendera kenangan pada majlis itu.

pelajar lepasan Sijil Pelajar Malaysia (SPM) meneruskan pembelajaran di tingkatan enam dengan lebih selesa,” katanya.

Terdahulu mengulas mengenai majlis itu, Mary Yap berkata ianya adalah antara usaha yang dibawa UMS untuk membantu pelajar di daerah ini mendapat maklumat lebih lanjut

mengenai universiti berkenaan.

“Program seperti ini tentunya mendatangkan pelbagai manfaat selain membantu pelajar untuk lebih bersemangat belajar bagi mendapatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan agar mendapat tempat di UMS,” katanya.